

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Bagi tempoh 1 September 2021 hingga 30 Ogos 2022, sebanyak tiga LKAN bagi Negeri Pahang telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
BAGI NEGERI PAHANG DI DEWAN NEGERI PAHANG
BAGI TEMPOH 1 SEPTEMBER 2021 HINGGA 30 OGOS 2022

BIL.	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	TARIKH PENBENTANGAN
1.	Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 Siri 2	10 Disember 2021
2.	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2020	1 April 2022
3.	Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 Siri 1	2 Ogos 2022

Sumber: Jabatan Audit Negara

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

2.1. Bagi tempoh 1 September 2021 hingga 30 Ogos 2022, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang (Jawatankuasa) telah mengadakan satu mesyuarat iaitu pada 25 Ogos 2022. Pengarah Audit Negeri Pahang telah membentangkan enam kajian yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2018 Siri 3, LKAN Tahun 2019 Siri 1 dan LKAN Tahun 2019 Siri 2 mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan. Selain itu, satu laporan pengauditan pematuhan yang dilaporkan dalam LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2020 turut dibentangkan pada mesyuarat tersebut.

2.2. Jawatankuasa juga telah membincangkan mengenai tujuh isu yang masih belum selesai yang dipaparkan dalam Auditor General's Dashboard bagi kajian Program

Perumahan Awam Kos Rendah Melalui Kaedah Sewa Beli yang dilaporkan dalam LKAN mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Tahun 2018 Siri 2.

2.3. Jawatankuasa telah memanggil ketua jabatan/agensi negeri yang terlibat bagi kajian tersebut untuk memberi penjelasan terhadap isu Audit berbangkit. Tajuk kajian yang dibincangkan adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PAHANG
BAGI TEMPOH 1 SEPTEMBER 2021 HINGGA 30 OGOS 2022

TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSİ NEGERİ	PERKARA
25 Ogos 2020	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2	
	1. Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang	• Program Perumahan Awam Kos Rendah Melalui Kaedah Sewa Beli
	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 3	
	2. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	• Pengurusan Projek Pembangunan Tanjung Agas Maritime Park (TAMP)
	3. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	• RT Development And Engineering Sdn. Bhd.
	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1	
	4. - Jabatan Perhutanan Negeri - Pahang Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang - Majlis Perbandaran Bentong	• Pengurusan Aktiviti Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi, Bukit dan Cerun di Daerah Bentong
	5. KYP Education Sdn. Bhd.	• KYP Education Sdn. Bhd.
	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2	
	6. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang	• Pengurusan Peruntukan Khas Kawasan Dewan Undangan Negeri
	7. Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.	• Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.
	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Tahun 2020	
	8. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang	• Pengurusan Akaun Belum Terima

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4. Jawatankuasa juga perlu memastikan ketua jabatan/agensi negeri mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap syor yang telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam.